Sehingga akhir tahun 2009, pencapaian keseluruhan penanaman adalah sebanyak 5,030,057 anak pokok yang meliputi kawasan seluas 1,829 hektar telah ditanam di bawah Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara.

Sejumlah 24 kempen kesedaran telah pun diadakan di bawah program ini yang bertemakan "Cintailah Hutan Pesisiran Pantai" di seluruh negara. Kempen ini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan hutan pesisiran pantai serta memupuk semangat "milik bersama" terhadap kesejahteraan alam sekitar.

Satu Seminar Kebangsaan Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2009 yang bertemakan "Memulihara Pesisiran Pantai Bersama Masyarakat" telah diadakan pada 1-3 Disember 2009 di Kuching, Sarawak. Bersempena dengan seminar ini, Majlis Pelancaran Mercu Tanda Tanaman Pokok Ke-5 Juta telah dilancarkan di Kg. Pasir Putih, Selabat, Kuching yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan, Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber II & Menteri Kemudahan Awam Sarawak.

IV. FOREST REHABILITATION & ENVIRONMENTAL PROTECTION

Coastal Forest Rehabilitation

By the end of 2009, a total of 5,030,057 seedlings was planted covering an area of 1,829 hectares under the Programme Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline.

A total of 24 awareness campaigns with the theme "Cintailah Hutan Pesisiran Pantai" were conducted under this programme throughout the country. This campaign involved various communities with the purpose to enhance public awareness on the importance of coastal forests as well as to instill the spirit of 'common ownership' for environmental wellbeing.

A National Seminar on Conservation of National Coastline 2009 with the theme "Memulihara Pesisiran Pantai Bersama Masyarakat" was held on 1-3 December 2009 in Kuching, Sarawak. In conjunction with this seminar, a Ceremony to Commemorate the Planting of the Fifth Million Tree was launched at Kg. Pasir Putih, Selabat, Kuching by YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan, Minister of Resource Planning and Management II & Minister of Public Utilities Sarawak.

Pihak Jabatan juga menerbitkan tiga (3) buah buku berkaitan program ini iaitu:

- i. Laporan Tahunan Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara 2008;
- ii. Prosiding Seminar Pengurusan dan Pemuliharaan Hutan Nipah 2008; dan
- iii. Prosiding Seminar Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008: "Hasil Penyelidikan Dan Aplikasinya Kepada Tanaman Serta Kesedaran Komuniti".

Ekspedisi Saintifik Kepelbagai Biologi Hutan

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan saintifik dan pendokumentasian komposisi biodiversiti di dalam kawasan HSK, JPSM telah menjalankan tiga (3) lagi siri ekspedisi saintifik kepelbagai biologi hutan dalam tahun 2009 seperti berikut:

- i. Pulau Pangkor, Perak pada 4-8 Mei;
- ii. Gunung Belumut, Johor pada 10-14 Ogos; dan
- iii. Banjaran Bintang-Gunung Inas, Kedah pada 2-6 November.

Ekspedisi-ekspedisi ini telah dianjurkan dengan penyertaan pakar dan penyelidik antaranya daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), World Wide Fund for Nature (WWF) dan lain-lain agensi kerajaan serta badan-badan bukan kerajaan.

Dua (2) seminar telah dianjurkan iaitu Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagai Biologi Hutan Negeri Melaka pada 1-2 April dan Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagai Biologi Hutan Taman Negeri Bukit Panchor & Pulau Jerejak pada 13-14 Julai bagi menyampaikan hasil penemuan daripada kedua-dua ekspedisi yang telah diadakan.

Dua (2) buku Prosiding Seminar juga telah diterbitkan iaitu Buku Prosiding Rimba Bandar Bukit Bauk, Terengganu: Pengurusan Hutan, Persekutuan Fizikal dan Kepelbagai Biologi serta Buku Prosiding Hutan Simpan Panti, Johor: Pengurusan Hutan, Persekutuan Fizikal dan Kepelbagai Biologi. Manakala, satu buku coffee table juga telah diterbitkan iaitu Buku *'Rediscovery of Forest Plant Species In Peninsular Malaysia'*.

The Department also published three (3) books related to the programme, that is:

- i. *Annual Report on Programme for the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline 2008;*
- ii. *Proceedings of the Seminar on Management and Conservation of Nipah Forest 2008; and*
- iii. *Proceedings of the Seminar on National Coastal Forest 2008: "Research Findings and Their Applications on Trees Planted and Community Awareness".*

Forest Biological Diversity Scientific Expedition

In the efforts to enhance the scientific knowledge base and documentation of biodiversity composition in PRFs, the Department conducted another three (3) forest biological scientific expeditions in 2009 as follows:

- i. *Pangkor Island, Perak on 4-8 May;*
- ii. *Gunung Belumut, Johore on 10-14 August; and*
- iii. *Bintang-Gunung Inas Range, Kedah on 2-6 November.*

These expeditions were organised with the participation of experts and researchers amongst others from University of Putra Malaysia (UPM), National University of Malaysia (UKM), University of Science Malaysia (USM), Forest Research Institute of Malaysia (FRIM), Institute of Medical Research (IMR), Malaysian Nature Society (MNS), World Wide Fund for Nature (WWF) and other government and non-governmental agencies.

Two (2) seminars were organised, namely Seminar on Malacca State Forest Biological Diversity Scientific Expedition on 1-2 April and Seminar on Bukit Panchor State Park and Jerejak Island Forest Biological Diversity Scientific Expedition on 13-14 July to present findings of the two (2) expeditions.

*Two (2) Seminars Proceedings were also published, respectively, *Proceedings of Bukit Bauk Urban Forest Park, Terengganu: Forest Management, Physical Environment and Biological Diversity*, and *Proceedings of Gunung Panti Forest Reserve, Johore: Forest Management, Physical Environment and Biological Diversity*. Meanwhile, a coffee table book entitled '*Rediscovery of Forest Plant Species In Peninsular Malaysia*' was published.*

V. PENGUSAHASILAN HUTAN

Kawasan Dilesenkan untuk Pengusahasilan

Seluas 25,522 hektar kawasan HSK yang diurus berdasarkan amalan pengurusan hutan secara berkekalan telah diusahasaskan dalam tahun 2009. Keluasan ini merupakan 69.1% daripada jumlah Catuan Tebangan Tahunan yang ditetapkan iaitu 36,940 hektar. Selain daripada itu, Hutan Tanah Kerajaan seluas 27,760 hektar dan Tanah Berimilik seluas 17,112 hektar turut diusahasaskan.

Kawasan Dilesenkan Untuk Pengusahasilan, 2009
Area Licenced For Harvesting, 2009
(Hektar/Hectares)

Jenis Hutan Forest Type	Hektar Hectares	Peratus (%) Percent
Hutan Simpanan Kekal/Permanent Reserved Forest		
- CTT*	25,522	29.4
- Bukan CTT**	16,489	19.0
Hutan Tanah Kerajaan/Stateland Forest	27,760	32.0
Hutan Berimilik/Alienated Land	17,112	19.6
JUMLAH/TOTAL	86,883	100

*Kawasan HSK yang diurus di bawah prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dan diusahasaskan di bawah amalan Sistem Pengurusan Memilih (SMS)/PRF managed under Sustainable Forest Management principles and harvested under Selective Management Systems

** Kawasan HSK yang diusahasaskan secara tebang habis untuk tujuan penyelidikan, pembangunan dan perladangan hutan/PRF areas clear felled for the purpose of forest research, development and plantation.

VI. PENGELUARAN

Dalam tahun 2009, pengeluaran hasil kayu terpilih mencatatkan penurunan kecuali pengeluaran kayu kumai. Pengeluaran venir mencatatkan penurunan paling ketara iaitu 44.1% diikuti oleh papan lapis, kayu gergaji dan kayu balak masing-masing sebanyak 23.5%, 12.8% dan 8.5%.

V. FOREST HARVESTING

Area Licensed for Harvesting

A total of 25,522 hectares of PRFs that was managed based on sustainable forest management practices were harvested in 2009. This represented 69.1% of the total Annual Allowable Cut approved amounting to 36,940 hectares. In addition, an area of 27,760 hectares of Stateland Forest and 17,112 hectares of Alienated Land were also harvested.

Kawasan Dilesenkan Untuk Pengusahasilan, 2009
Area Licenced For Harvesting, 2009
(Hektar/Hectares)

VI. PRODUCTION

In 2009, there was a decrease in the production of selected timber products except for moulding. The production of veneer recorded the most significant decrease that is by 44.1%, followed by 23.5%, 12.8% and 8.5% for plywood, sawntimber and logs respectively.

Pengeluaran Hasil Kayu Terpilih 2009
Production Of Selected Timber Products 2009
(m³)

Industri Industry	2009	2008	Perubahan/Change 2009/2008 (%)
Kayu Balak/Logs	3,686,717	4,028,302	-8.5
Kayu Gergaji/Sawntimber	2,080,706	2,386,598	-12.8
Papan Lapis/Plywood	357,490	467,153	-23.5
Venir/Veneer	7,685	13,739	-44.1
Kayu Kumai/Moulding	307,995	170,846	80.3

VII. INDUSTRI BERASAS KAYU

Sebanyak 2,251 kilang pemprosesan berdasarkan kayu berlesen telah direkodkan pada tahun 2009. Daripada tujuh (7) jenis industri yang disenaraikan mengikut jadual di bawah, kilang perabot/kilang kerja kayu/pertukangan & tanggaman telah mencatatkan bilangan terbesar dan diikuti oleh kilang papan.

Bilangan Industri Berasas Kayu Utama 2009
Number of Major Wood-Based Industry 2009

Jenis-Jenis Industri <i>Types of Industries</i>	Bilangan Number
Kilang Papan/Sawmill	671
Kilang Papan Lapis & Venir/Plywood & Veneer Mill	55
Kilang Kayu Kumai/Moulding Mill	167
Kilang Perabut, Pertukangan dan Tanggaman/Furniture, Wood Working & Joinery Mill	1,319
Kilang Papan Blok/Blockboard Mill	10
Kilang Papan Serpai & Papan Serpih/Chipboard & Particleboard Mill	20
Kilang Papan Gentian Sederhana Padat (MDF)/Medium Density Fibreboard (MDF) Mill	9

Sumber/Source:NATIP

VIII. SUMBANGAN SOSIOEKONOMI

Sumbangan Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Sektor perhutanan telah menyumbang sebanyak RM9.1 bilion atau 1.3% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia sebanyak RM674.4 bilion dalam tahun 2009.

Perdagangan Produk Kayu-Kayan

Jumlah pendapatan eksport produk kayu-kayan Malaysia pada tahun 2009 telah menurun sebanyak 14.2% kepada RM19.4 bilion berbanding tahun 2008 (RM22.6 bilion). Ini merupakan 3.5% dari jumlah hasil eksport kasar iaitu f.o.b RM553.3 bilion.

Bagi Semenanjung Malaysia, eksport produk kayu-kayan yang berjumlah RM10.2 bilion telah mencatatkan penurunan sebanyak 12.1% berbanding RM11.6 bilion pada tahun 2008.

Jumlah Kutipan Hasil Kerajaan Negeri

Kutipan hasil hutan diperolehi daripada royalti, premium, ses, kompaun kesalahan hutan, pampasan dan lain-lain caj/fei. Hasil ini telah menyumbang RM320 juta kepada kerajaan negeri pada tahun 2009.

VII. WOOD-BASED INDUSTRIES

A total of 2,251 licenced wood-based processing mills were recorded in 2009 Out of the seven (7) type of industries listed in the following table, the furniture/wood-working/joinery mills was the largest followed by sawmills.

Bilangan Industri Berasas Kayu Utama 2009
Number of Major Wood-Based Industry 2009

Jenis-Jenis Industri <i>Types of Industries</i>	Bilangan Number
Kilang Papan/Sawmill	671
Kilang Papan Lapis & Venir/Plywood & Veneer Mill	55
Kilang Kayu Kumai/Moulding Mill	167
Kilang Perabut, Pertukangan dan Tanggaman/Furniture, Wood Working & Joinery Mill	1,319
Kilang Papan Blok/Blockboard Mill	10
Kilang Papan Serpai & Papan Serpih/Chipboard & Particleboard Mill	20
Kilang Papan Gentian Sederhana Padat (MDF)/Medium Density Fibreboard (MDF) Mill	9

VIII. SOCIOECONOMIC CONTRIBUTIONS

Contribution to Gross Domestic Product (GDP)

The forestry sector contributed RM9.1 billion or 1.3% to Malaysia's Gross Domestic Product of RM674.4 billion in 2009.

Timber Products Trade

Total export earnings from Malaysian timber products in 2009 decreased by 14.2% to RM19.4 billion as compared to 2008 (RM22.6 billion). This accounted for 3.5% of the total gross export earnings at f.o.b RM553.3 billion.

For Peninsular Malaysia, export of timber products amounted to RM10.2 billion, a decrease of 12.1% as compared to RM11.6 billion in 2008.

Total State Government Revenue Collected

Forest revenue derived from royalty, premium, cess, forest offence compound, compensation and other charges/fee. The forest revenue contributed RM320 million to the state coffers in 2009.

Pekerjaan dalam Sektor Perhutanan

Dalam tahun 2009, sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia menyediakan sejumlah 71,811 peluang pekerjaan secara langsung dalam pelbagai industri seperti jadual berikut. Namun demikian, maklumat bagi industri perabot adalah termasuk Sabah dan Sarawak. Ini mencatatkan penurunan keseluruhan sebanyak 18.2% berbanding 87,810 orang pada tahun 2008.

Employment in The Forestry Sector

In 2009, the forestry sector in Peninsular Malaysia provided direct employment to 71,811 persons in the various industries stipulated in the following table. However, the information on the furniture industry includes Sabah and Sarawak. This registered an overall decrease of 18.2% as compared to 87,810 persons in 2008.

Gunatenaga Secara Langsung Dalam Sektor Perhutanan, Semenanjung Malaysia, 2009

Total Direct Employment In the Forestry Sector,
Peninsular Malaysia, 2009

Jenis Type	Gunatenaga Employment	Perubahan Tahunan Annual Change 2009/2008 (%)
Pengusahasilan Hutan/ <i>Forest Harvesting</i>	5,370	-16.7
Kilang Papan/ <i>Sawmill</i>	20,067	-9.9
Papan Lapis/ <i>Venir/Plywood/Veneer</i>	4,300	-33.7
Kayu Kumai/ <i>Moulding</i>	4,577	-14.7
Perabot/ <i>Furniture</i> *	32,065	-23.4
Penjawat Awam/ <i>Public Service</i>	5,432	1.0
JUMLAH/TOTAL	71,811	-18.2

*Perangkaan untuk Malaysia, seperti dikeluarkan dalam Statistik Pengeluaran Bulanan (Disember 2009) oleh Jabatan Statistik Malaysia.

*Figure for Malaysia as published in Monthly Manufacturing Statistics (December 2009) by Department of Statistics Malaysia

Jumlah Pelaburan

Jumlah pelaburan dalam industri kayu gergaji, papan lapis dan kayu kumai di Semenanjung Malaysia berdasarkan nilai harta tetap pada tahun 2009 adalah RM2.4 bilion.

IX. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Penstrukturkan Semula Organisasi IPPSM 2009

Bagi memantapkan lagi pelbagai aktiviti perhutanan serta menjamin perlaksanaan amalan pengurusan secara berkekalan, JPSM telah mengambil langkah memperkuatkan organisasinya melalui penstrukturkan semula organisasi bagi menghadapi beban tugas dan cabaran masa depan sektor perhutanan yang semakin mencabar.

Total Investment

The total investment in the sawmill, plywood and moulding industries in Peninsular Malaysia in terms of fixed assets amounted to RM2.4 billion in 2009.

IX. HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

Organisational Restructuring of FDHQ 2009

In order to enhance the various forestry activities as well as to ensure the implementation of sustainable management practices, FDPM had take steps to strengthen its organisation through restructuring. The restructuring was to overcome its increasing work-load and challenges of the forestry sector.

Penstrukturian semula organisasi di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan (IPP) telah diluluskan oleh JPA mulai 1 Februari 2009. Menerusi penstrukturian semula ini, jumlah gunatenaga di IPP meningkat dari 401 penjawatan dalam tahun 2008 kepada 609 penjawatan pelbagai peringkat, kumpulan jawatan dan bidang dalam tahun 2009 dengan tambahannya mengikut kumpulan seperti berikut:

KUMPULAN PENJAWATAN GROUPING BY POST	PENSTRUKTURAN RESTRUCTURING	
	SEBELUM BEFORE	SELEPAS AFTER
JUSA	3	5
Pengurusan dan Profesional/Managerial and Professional (Gred 41-54)	88	164
Sokongan 1/Supporting 1 (Gred 27-36)	79	126
Sokongan 2/Supporting 2 (Gred 17-26)	108	163
Kumpulan D/Group D (Gred 1-14)	123	151
JUMLAH/TOTAL	401	609

Seramai 2,498 staf JPSM telah mendapat manfaat dari pelbagai aktiviti latihan yang meliputi pelbagai bidang seperti kenegaraan, teknikal, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, teknologi maklumat dan kaunseling/psikologi di sepanjang tahun 2009. Ini melibatkan kehadiran staf di 184 kursus dalam dan luar negara seperti ditunjukkan dalam jadual.

Selain daripada itu, seramai 69 pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan dan 24 pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan bagi sesi 2008/2009 di Institut Latihan Perhutanan, Kepong (FORTRAIN) telah menamatkan latihan mereka.

The organisational restructuring at the Forestry Department Headquarters (FDHQ) was approved by the PSD on 1st February 2009. Through this restructuring, the total work force at FDHQ increased from 401 posts in 2008 to 609 posts at various levels, positions and fields in 2009, with the additional posts by groups as follows:

A total of 2,498 staff of FDPM had benefited from the various training activities comprising various fields such as nationhood, technical, human resource management, financial management, information technology and counselling/psychology conducted throughout 2009. This involved the attendance in 184 courses by the staff both at local and international levels as shown in the table.

In addition, a total of 69 trainees of the Forestry Forester Certificate Course and 24 trainees of the Forestry Ranger Certificate Course for the 2008/2009 session have completed their training at the Forestry Training Institute, Kepong (FORTRAIN).

Program Latihan 2009
Training Programme 2009

Kategori <i>Categori</i>	Dalam Negara <i>Local</i>	Luar Negara <i>Overseas</i>
Kursus/Lawatan Belajar/ <i>Course/Study Tour</i>	93	5
Bengkel/Seminar/ <i>Workshop/Seminar</i>	27	20
Persidangan/ <i>Conference</i>	3	2
Taklimat/ <i>Briefing</i>	2	6
Ekspedisi/ <i>Expedition</i>	6	-
Simposium/Forum/Kongres/ <i>Symposium/Forum/Congress</i>	4	2
Dialog/Kolokium/Syarahan Am/ <i>Dialogue/Colloquium/Public Lecture</i>	9	5



ARTIKEL

Articles

ARTIKEL 1 : PELANCARAN TAMAN EKO RIMBA KL

ARTICLE 1 : LAUNCHING OF THE KL FOREST ECO PARK

Hutan Simpan Bukit Nanas merupakan satu warisan hijau hutan semulajadi yang masih wujud di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur dan berfungsi sebagai ‘Green Lung’ serta kawasan rekreasi dan riadah bagi penduduk warga kota. Lokasinya yang strategik juga menjadi tarikan kepada pengunjung dan pelancong samada dari dalam maupun luar negara untuk menikmati keindahan alam semulajadi.

Sehubungan dengan itu, Jabatan mengambil inisiatif untuk menjenamakan semula hutan simpan ini sebagai Taman Eko Rimba KL dan telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia pada 12 November 2009. Tetamu kehormat yang hadir adalah Y.Bhg. Dato' Zoa Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Y.Bhg. Dato' Aziyah binti Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha I, NRE dan Y.Bhg. Dato' Zulkifli bin Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif, Menara KL. Lain-lain jemputan merupakan wakil daripada Jabatan-jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan pelajar-pelajar sekolah.

Sempena majlis tersebut, Menteri NRE telah merasmikan nama dan logo Taman Eko Rimba KL serta melancarkan Buku Panduan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri di Semenanjung Malaysia. Sebagai tanda kenangan dan simbolik, sebatang pokok Belian (*Eusideroxylon zwageri*) telah ditanam di Dataran Hijau, Taman Eko Rimba KL ini. Menteri NRE turut merasmikan Denai Merawan yang merupakan salah satu laluan bagi pengunjung untuk menikmati keindahan hutan dan juga melakukan aktiviti interpretasi. Sepanjang denai ini terdapat pelbagai pokok seperti Mentulang bulu (*Alangium nobile*), Meranti pa'ang (*Shorea bracteolata*), Ramin pinang muda (*Gonystylus confusus*), Pulai (*Alstonia angustiloba*), Merawan batu (*Hopea beccariana*), Petaling (*Ochanostacys amentacea*), Meraga (*Pertusadina auryhncha*), Kerdas (*Archidendron bubalinum*), Terap hitam (*Artocarpus scortechinii*), Perah (*Elateriospermum tapos*) dan Mahang gajah (*Macaranga gigantea*). Maklumat mengenai spesies pokok-pokok ini boleh didapati di panel-panel interpretasi yang disediakan di sepanjang laluan denai tersebut.

The Bukit Nanas Forest Reserve is one of the natural forest heritage that still flourish in the centre of Kuala Lumpur City and functions as a Green Lung as well as a recreational area for city dwellers. Its strategic location attracts both local and international visitors to enjoy its natural beauty.

In relation to this, the Department undertook the initiative to rebrand the forest reserve as the KL Forest Eco Park that was officially launched by YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Minister of Natural Resources and Environment Malaysia on 12th November 2009. Honourable guests present included Y.Bhg. Dato' Zoa Azha bin Yusof, Secretary General Ministry of Natural Resources and Environment (NRE), Y.Bhg. Dato' Aziyah binti Mohamed, Deputy Secretary General I, NRE and Y.Bhg. Dato' Zulkifli bin Mohamad, Chief Executive Officer of KL Tower. Others include representatives from government departments and agencies, NGOs, the private sectors and surrounding schools.

*In conjunction with the occasion, Minister of NRE officially launched the name and logo of the KL Forest Eco Park as well as the Guide Book of Amenity Forests and State Forest Parks in Peninsular Malaysia. To commemorate this auspicious occasion, a Belian (*Eusideroxylon zwageri*) seedling was planted at the Dataran Hijau of the KL Forest Eco Park. Minister of NRE also officiated the Merawan Trail, one of the trails where visitors can enjoy the beauty of the forest and engage in interpretative activities. Along the trail, there are various trees such as Mentulang bulu (*Alangium nobile*), Meranti pa'ang (*Shorea bracteolata*), Ramin pinang muda (*Gonystylus confusus*), Pulai (*Alstonia angustiloba*), Merawan batu (*Hopea beccariana*), Petaling (*Ochanostacys amentacea*), Meraga (*Pertusadina auryhncha*), Kerdas (*Archidendron bubalinum*), Terap hitam (*Artocarpus scortechinii*), Perah (*Elateriospermum tapos*) and Mahang gajah (*Macaranga gigantea*). Information pertaining to these tree species is available on the interpretative panels provided along the trail.*

Satu demonstrasi aktiviti mengutip biji benih di atas pokok oleh Pasukan Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman telah diadakan. Aktiviti ini adalah untuk memaklumkan kepada hadirin bahawa Jabatan sentiasa memastikan bekalan anak benih yang berkualiti dan berterusan serta dapat menampung keperluan dari semasa ke semasa.

Pendeklamasian sajak ‘Waris Rimba Tercinta’ oleh Y.Bhg. Dato’ A. Samad Said dan persembahan nyanyian kumpulan koir ‘Malar Hijau’ serta kugiran D’Forest JPSM juga menyerikan pelancaran Taman Eko Rimba KL ini.

Taman Eko Rimba KL menyediakan kepada orang ramai pengalaman meneroka dan menikmati keindahan alam semulajadi. Pelbagai tarikan yang disediakan kepada para pengunjung seperti denai-denai hutan, Taman Herba, Rumah Orkid Liar dan Pusat Maklumat Perhutanan. Pengurusan Taman Eko Rimba KL juga menawarkan pakej Kem Kesedaran Hutan kepada orang awam khususnya pelajar-pelajar sekolah.


A tree climbing demonstration to collect seeds from tree tops was conducted by the Seed and Planting Material Procurement Team. This activity was carried out to convey to those present that the Department is committed to ensure that quality seeds are continuously collected to meet the demands from time to time.

A poem entitled ‘Waris Rimba Tercinta’ was recited by Y.Bhg. Dato’ A. Samad Said, followed by songs and music performances by the ‘Malar Hijau’ choir group and FDPM’s D’Forest band to celebrate the launching of the KL Forest Eco Park.

The KL Forest Eco Park enables the general public to experience, explore and enjoy the beauty of nature. Various attractions such as forest trails, Herbal Park, Wild Orchid House and Forestry Information Centre are available to visitors, while Forest Awareness Camp packages are offered to school children.



Majlis Perlancaran Taman Eko Rimba KL di Hutan Simpan Bukit Nanas
Launching Ceremony of The KL Forest Eco Park at Bukit Nanas Forest Reserve



WARIS RIMBA TERCINTA

(Tribut untuk Taman Eko Rimba KL)

(1)

Berlari di lereng bukit ghairah mengejar rerama,
Kita terasa amat bersemangat dan sihat bertenaga,
Unggas yang tiba-tiba melintas atas kepala,
Kita tahu sengaja menghantar isyarat rahsia,
Inilah tanah air pusaka paling, paling dicinta.

Pohon-pohon di sini semarak, segar dan sasa,
Khazanah alam yang menyimpan duka ria bangsa,
Dan berlari di sisi pohon-pohon mengejar rerama,
Jelas kita terlihat ajaibnya belantara baka.
Tanah air kita ini paling, paling dicinta.

Inilah rimba Bukit Nanas yang mesra,
Betapa perih pun tanggungjawab kita memeliharanya.

(2)

Lihatlah, nikmatlah pohon yang subur,
Dengarlah, hayatlah taman tersohor.
Inilah dendang bumi yang kaya
Kita warisnya sungguh bertuah.

Di rumput segar belalang menari,
Di atas dahan unggas cergas menyanyi.
Seisi alam ini satu anugerah
Syukur yang tulus kita kepada Allah.

Bumi yang yakin, langit yang tulen
Berdakap damai seakrab mungkin.

Memang yang terdengar debaran syair jantung kehidupan
Dan yang terucap kasih keluarga saling berimbangan.

A.SAMAD SAID

12 November 2009



Penyajak A. Samad Said bersama warga perhutanan IPPSM
Poet A. Samad Said with FDHQ staff

ARTIKEL 2 : PENSTRUKTURAN SEMULA ORGANISASI JPSM

ARTICLE 2 : ORGANISATIONAL RESTRUCTURING OF FDPM

Pada tahun 1997, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengambil langkah menyusun semula struktur organisasinya dengan mengambil kira keperluan semasa dan masa hadapan berdasarkan kesedaran yang bersesuaian dengan masyarakat setempat dan antarabangsa supaya hutan diurus dengan lebih cekap dan berkesan disamping menghadapi pelbagai cabaran isu-isu semasa samada diperingkat kebangsaan dan global, maka strategi dan fokus program Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) perlu dimantapkan bersesuaian dengan keperluan menghadapi cabaran pada masa itu.

Pada tahun 2004, Kerajaan Malaysia telah menukuhkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). JPSM telah ditempatkan di bawah Kementerian baru ini. Kementerian Perusahaan Utama telah dimansuhkan dan penubuhan kementerian baru dan penempatan JPSM di bawahnya menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk memastikan sumber asli dan alam sekitar diurus dan dibangunkan dengan lebih mantap. Justeru itu, JPSM perlu memberi tumpuan yang menekankan kepada semua aspek pengurusan pelbagai fungsi hutan secara lebih mantap dan cabaran penstruktur semasa. Fungsi bahagian yang baru ditubuhkan dalam konteks ini akan lebih teratur dan spesifik bagi merealisasikan Wawasan 2020 serta dalam menongkah cabaran masa depan sektor perhutanan. Selaras dengan kesedaran masyarakat setempat dan antarabangsa disamping menghadapi cabaran dan isu-isu semasa maka strategi dan fokus JPSM perlu diperluaskan bagi memikul tanggungjawab yang lebih berat. Maka organisasi JPSM distruktur semula bagi menyesuaikannya dengan tanggungjawab serta kompleksiti tugas yang semakin mencabar itu. Penstruktur semula organisasi JPSM ini diolah dengan mengambil kira pelbagai isu dan cabaran penting masa hadapan seperti berikut :

- i. Perubahan peranan dan fungsi JPSM;
- ii. Khazanah hutan negara yang stabil;
- iii. Pertambahan tanggungjawab dan kompleksiti fungsi di JPSM;
- iv. Perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri;
- v. Pengurusan hutan secara berkekalan;
- vi. Pencerobohan dan pembalakan hutan secara haram;
- vii. Pengurusan sumber hutan untuk penjanaan pendapatan dan sosio-ekonomi rakyat;
- viii. Pengurusan kawasan tадahan air dan sumber bekalan air domestik dan industri;
- ix. Kesedaran awam terhadap alam sekitar yang meningkat;

In 1997, the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) took steps to restructure its organisation in line with the requirements at that time. In response with the increasing awareness of the local and international communities for a more efficient and effective management of the forest, in addition to the various challenges and current issues at national and global levels. Therefore, strategies and programmes need to be focused and enhanced to suit the needs and challenges faced at that time.

In 2004, the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE) was formed replacing the Ministry of Primary Industries. FDPM was placed under the new Ministry which showed the seriousness of the government in ensuring that the natural resources and environment would be systematically managed and developed. As such, FDPM would need to focus and emphasise on the multi-functional management of the forest to face the current challenges. The functions of a newly created division that is more systematic and specific would lead towards achieving the goals of Vision 2020 as well as to overcome the future challenges of the forestry sector. In line with the awareness of local and international communities as well as to face current challenges and issues, the strategies and focus of the Department needs to be widen to shoulder more heavy responsibilities in the future. Therefore, the organisation of FDPM was restructured to face these more challenging responsibilities and complex duties. The restructuring was tailored to take into consideration the various issues and important future challenges such as:

- i. FDPM changing roles and functions;
- ii. A stable national forest heritage;
- iii. FDPM increasing responsibilities and functions;
- iv. Federal and State government relationship;
- v. Sustainable forest management;
- vi. Forest encroachment and illegal logging;
- vii. Forest resource management to generate income and socio-economy of the people;
- viii. Management of water catchment areas and water supply for domestic and industrial use;
- ix. Increasing public awareness towards the environment;

- x. Kawasan beriadah untuk rakyat;
- xi. Perubahan iklim dunia;
- xii. Central Forest Spine (CFS);
- xiii. Projek tanaman pokok di pesisiran pantai;
- xiv. Isu-isu perhutanan antarabangsa;
- xv. Perubahan perundungan dan peraturan perhutanan;
- xvi. Perubahan teknologi perhutanan;
- xvii. Perbandingan dengan agensi setanding; dan
- xviii. Kemajuan kerjaya dan peluang-peluang kenaikan pangkat.

Satu pasukan petugas khas telah ditubuhkan untuk mengkaji semula cadangan dan menggubal dokumen Penstruktur Semula Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di peringkat IPPSM dan dikemukakan kepada pihak JPA pada Jun 2008.

Setelah beberapa siri mesyuarat, penstruktur semula organisasi JPSM bagi peringkat IPPSM telah diluluskan oleh JPA pada 1 Februari 2009. Melalui penstruktur semula ini, gred jawatan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia telah dinaiktaraf daripada JUSA B (VU6) kepada JUSA A (VU5) manakala Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Pembangunan) daripada gred JUSA C (VU7) kepada JUSA B (VU6) dan bergelar Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan). Di samping itu, dua jawatan Pengarah Bahagian telah dinaiktaraf daripada gred 54 kepada JUSA C (VU7), manakala beberapa jawatan telah dinaiktaraf daripada gred 52 kepada gred 54 dan gred 48 kepada gred 52. Beberapa Bahagian dan Seksyen baru turut ditubuhkan di IPPSM. Pada masa ini, organisasi di IPPSM telah berkembang menjadi tiga belas (13) Bahagian dan satu (1) Unit.

Selepas penstruktur semula organisasi di peringkat Ibu Pejabat, struktur di Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) juga akan disusun semula. Cadangan penstruktur ini melibatkan pewujudan sebuah Jabatan Perhutanan Negeri dan beberapa Pejabat Hutan Daerah yang baru; menaiktaraf, menggred semula dan mewujudkan jawatan-jawatan baru di peringkat JPN.

Cadangan penstruktur semula ini juga adalah selaras dan berpandukan kepada Pelan Strategik NRE Menuju 2020, Pelan Strategik JPSM 2008–2020, Rancangan Fizikal Negara 2005 dan Malaysia Forestry Sector Outlook 2020. Kesemua dokumen tersebut adalah sejajar dengan Teras Misi Nasional dan dalam usaha untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Secara amnya, Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri telah juga disusun mengikut tiga (3) Model Umum iaitu Model A, B dan C berdasarkan wajaran seperti luas kawasan berhutan, aktiviti pengusahaan hutan, sumbangan pendapatan Kerajaan Negeri, peruntukan projek pembangunan dan industri berasa kayu. Model A adalah bagi Negeri Pahang, Perak, Kelantan dan Johor; Model B bagi Negeri Terengganu, Selangor, Kedah dan Negeri Sembilan; dan Model C bagi Negeri Pulau Pinang, Perlis, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Secara keseluruhannya, pemantapan organisasi JPSM adalah satu usaha yang penting dan perlu dilaksanakan secara berterusan agar sumber perhutanan dapat diuruskan secara berkekalan dan terus menyumbang kepada kemakmuran negara.

- x. Recreation areas for the people;
- xi. Global climate change;
- xii. Central Forest Spine (CFS);
- xiii. Coastal tree planting projects;
- xiv. International forestry issues;
- xv. Change in forestry legislations and regulations;
- xvi. Change in forestry technology;
- xvii. Comparison with competing agencies; and
- xviii. Job advancement and promotion opportunities.

A special task force was formed to review the proposals and formulate the Forestry Department Peninsular Malaysia Restructuring document at FDHQ level and forwarded to the PSD in June 2008.

After a series of meetings, the restructuring of FDPM was approved by the PSD on 1st February 2009. Through this restructuring, the post of the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia was upgraded from JUSA B (VU6) to JUSA A (VU5), while the post of Deputy Director-General of Forestry (Development) was upgraded from JUSA C (VU7) to JUSA B (VU6) and renamed the Deputy Director-General of Forestry (Policy and Planning). In addition, two senior posts of Division Directors were upgraded from grade 54 to JUSA C (VU7), while several grade 52 posts were upgraded to grade 54 and grade 48 to grade 52. Several new Divisions and Sections were also established. Currently, the organisation structure at FDHQ has been expanded to thirteen (13) Divisions and one (1) Unit.

In line with the organisational restructuring at the FDHQ level, the State Forestry Departments (SFD) would also be restructured accordingly. The proposed restructuring would involve the creation of a new State Forestry Department and several new District Forest Offices, upgrading, re-grading and creating new posts at the SFD level.

The proposed restructuring is in accordance with the NRE's Strategic Plan Towards 2020, the FDPM 2008–2020 Strategic Plan, the National Physical Plan and the Malaysia Forestry Sector Outlook 2020. All these documents are in cohesion with the National Mission Thrust and the efforts to achieve the goals of Vision 2020. In general, the SFDs will be restructured in accordance to three (3) General Models, that is Model A, B and C based on several weightings such as the size of forested areas, forest harvesting activities, revenue contribution to the State Government, development project allocations and wood-based industries. Model A is for the states of Pahang, Perak, Kelantan and Johor, Model B for the states of Terengganu, Selangor, Kedah and Negeri Sembilan, and Model C for the states of Penang, Perlis, Malacca and the Federal Territory of Kuala Lumpur.

Overall, the strengthening of the FDPM's organisation is an important undertaking that needs to be implemented continuously to ensure that the forest resources are sustainably managed, thus contributing towards the nation's prosperity.

LAPORAN BERGAMBAR 1 : KEJOHANAN SUKAN DWI-TAHUNAN NRE TAHUN 2009

PICTORIAL REPORT 1 : BIENNIAL NRE GAMES 2009

Kejohanan Sukan Dwi-Tahunan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) atau dikenali juga sebagai Kejohanan Sukan NRE telah dianjurkan buat pertama kalinya pada 8-10 Julai 2005 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong dimana FRIM merupakan tuan rumah kejohanan tersebut. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula menjadi penganjur pada kejohanan kali kedua yang telah diadakan pada 29 Jun-1 Julai 2007 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pada kedua-dua kejohanan tersebut sebanyak 12 Jabatan dan agensi termasuk NRE telah mengambil bahagian. Jabatan dan agensi tersebut adalah JPSM, JPS, FRIM, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Taman Laut Malaysia (JTL), Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Kejohanan Sukan NRE Tahun 2009 merupakan kali ketiga dianjurkan dan JPSM telah dipilih sebagai penganjur kejohanan. Kejohanan ini telah berlangsung selama 3 hari bermula 17 hingga 19 Julai, bertempat di Pusat Latihan Petronas (PERMATA), Bangi sebagai gelanggang utama kejohanan. Di samping itu, tiga (3) gelanggang lainnya yang menjadi tempat pertandingan adalah di Play Zone, The Mines Shopping Fair (Seri Kembangan), Aktif Futsal (Bangi) dan Kelab Golf Bangi (Bangi). Kejohanan Sukan NRE kali ini telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia. Kejohanan kali ini juga turut disertai buat julung kalinya oleh Jabatan Perhutanan Sarawak.

Objektif utama penganjuran Kejohanan Sukan NRE Tahun 2009 adalah:-

- i) Untuk mewujudkan persefahaman, semangat kekeluargaan dan hubungan muhibbah di kalangan warga jabatan dan agensi di bawah NRE;
- ii) Untuk melahirkan kakitangan yang sihat, cergas dan bertanggungjawab melalui interaksi dalam pertandingan sukan; dan

The Inaugural Biennial Games of the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE) also known as the NRE Games was held and hosted by the Forest Research Institute Malaysia (FRIM) in Kepong on 8-10 July 2005. The Department of Drainage and Irrigation (DID) hosted the 2nd Biennial Games which was held on 29 June-1 July 2007 in University of Malaya, Kuala Lumpur.

A total of 12 departments and agencies including NRE participated in both Games. These are FDPM, DID, FRIM, Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM), Department of Mineral and Geoscience (JMG), Department of Director-General of Land and Mines (JKPTG), Department of Environment (JAS), Department of Wildlife and National Parks (PERHILITAN), Department of Marine Parks Malaysia (JTL), National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM) and National Institute of Land and Survey (INSTUN).

The 3rd NRE Biennial Games 2009 was hosted by FDPM. The 3-day event was held on 17-19 July at the Petronas Training Centre (PERMATA), Bangi. In addition, three other venues where selected events were contested were at Play Zone, The Mines Shopping Fair (Seri Kembangan), Aktif Futsal (Bangi) and the Bangi Golf Club (Bangi). The Games was officiated by YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Deputy Minister of Natural Resources and Environment Malaysia. The Forest Department Sarawak participated in this Games for the first time.

The main objectives of the NRE Games 2009 are:

- i) *To foster understanding, family spirit and goodwill among the staff of the departments and agencies under NRE;*
- ii) *To develop healthy, progressive and responsible work force through friendly competitions; and*

- iii) Untuk menyemai semangat cinta dan setia kepada negara.

Secara keseluruhannya, sejumlah 21 acara sukan telah dipertandingkan pada Kejohanan Sukan NRE kali ini yang melibatkan penyertaan seramai 2,396 orang peserta.

Acara-acara sukan yang dipertandingkan adalah:

- 1) Badminton (Campuran);
- 2) Bola Jaring (Wanita);
- 3) Bola Tampar (Lelaki);
- 4) Bola Tampar (Wanita);
- 5) Bola Sepak (Lelaki);
- 6) Boling (Lelaki);
- 7) Boling (Wanita);
- 8) Catur (Terbuka);
- 9) Congkak (Wanita);
- 10) Dam Aji (Terbuka);
- 11) Dart (Lelaki);
- 12) Futsal (Lelaki);
- 13) Futsal (Wanita);
- 14) Golf (Lelaki);
- 15) Karom (Terbuka);
- 16) Lari Berganti-Ganti (Campuran);
- 17) Ping Pong (Campuran);
- 18) Sepak Takraw (Lelaki);
- 19) Snuker (Lelaki);
- 20) Tarik Tali (Lelaki); dan
- 21) Tenis (Lelaki)

Kontinjen JPS yang memperolehi pungutan 88 mata telah muncul sebagai johan keseluruhan kejohanan kali ini, manakala Naib Johan disandang oleh kontinjen FRIM dengan pungutan 87 mata. Kontijen JPSM pula merangkul tempat ketiga dengan pungutan 86 mata.

Kejohanan Sukan Dwi-Tahunan Ke-3 ini telah ditutup dengan rasminya oleh Y.Bhg. Dato' Zool Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.



JPS merupakan johan keseluruhan Kejohanan Sukan NRE Ke-3 Tahun 2009

DID was the overall champion of the 3rd NRE Games 2009



FRIM merangkul naib johan Kejohanan Sukan NRE Ke-3 Tahun 2009
FRIM was the runner-up of the 3rd NRE Games 2009



JPSM mendapat tempat ketiga di Kejohanan Sukan NRE Ke-3 Tahun 2009
FDPM took the 3rd place at the 3rd NRE Games 2009

- iii) To inculcate the spirit of patriotism and love for the country.

Overall, a total of 21 events were contested in this Games involving 2,396 participants.

The sport events contested are:

- 1) Badminton (Mixed);
- 2) Netball (Female);
- 3) Volleyball (Male);
- 4) Volleyball (Female);
- 5) Football (Male);
- 6) Bowling (Male);
- 7) Bowling (Female);
- 8) Chess (Open);
- 9) Congkak (Female);
- 10) Checkers (Open);
- 11) Dart (Male);
- 12) Futsal (Male);
- 13) Futsal (Female);
- 14) Golf (Male);
- 15) Carrom (Open);
- 16) Road Relay (Mixed);
- 17) Table Tennis (Mixed);
- 18) Sepak Takraw (Male);
- 19) Snooker (Male);
- 20) Tug of War (Male); and
- 21) Tennis (Male)

The DID's contingent obtained 88 points and emerged as the overall champion, meanwhile FRIM was in second place with 87 points. The FDPM came in third place with 86 points.

The 3rd Biennial Games was officially closed by Y.Bhg. Dato' Zool Azha bin Yusof, Secretary General, Ministry of Natural Resources and Environment.



Majlis Perasmian Kejohanan Sukan NRE ke-3 Tahun 2009
Official Launching of the 3rd NRE Games 2009



Acara-acara di Kejohanan Sukan NRE Tahun 2009
Events at the NRE Games 2009



Sebanyak 21 acara sukan telah dipertandingkan sepanjang kejohanan sukan ini

A total of 21 events were contested during the NRE Games



Majlis Penutupan Kejohanan Sukan NRE ke-3 Tahun 2009

Closing Ceremony of the 3rd NRE Games 2009

LAPORAN BERGAMBAR 2 : PERSARAAN Y.BHG. DATO' SERI AZAHAR BIN MUDA

PICTORIAL REPORT 2 : RETIREMENT OF Y.BHG. DATO' SERI AZAHAR BIN MUDA

Bersempena dengan persaraan Y.Bhg. Dato' Seri Azahar bin Muda, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia yang telah berkhidmat dengan Jabatan selama 32 tahun, beberapa aktiviti telah diadakan. Di antaranya termasuklah:

- i. Majlis Penghargaan pada 12 Mei 2009 di Dewan Alwy, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kepong, Selangor.

Several activities were held in conjunction with the retirement of Y.Bhg. Dato' Seri Azahar bin Muda, the former Director-General of Forestry Peninsular Malaysia who had served the Department for 32 years. Among the activities held include:

- i. *Appreciation Ceremony on 12 May 2009 at Dewan Alwy, Forestry Department Peninsular Malaysia, Kepong, Selangor.*



- ii. Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas pada 12 Mei, 2009 di Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur.
- ii. Handing Over Notes Ceremony on 12 May 2009 at the Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters, Kuala Lumpur.



- iii. Pertandingan Boling Tertutup Ibu Pejabat Perhutanan pada 17 Mei 2009 di Pin Junction, The Curve, Selangor.



- iv. Majlis Malam Jasamu Dikenang Y.Bhg. Dato' Seri Azahar bin Muda, mantan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 17 Mei, 2009 di Hotel One World, Bandar Utama, Selangor.



Sebagai tanda penghargaan kepada sumbangan beliau sebagai Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kerajaan Malaysia telah mengurniakan Darjah Kebesaran Johan Mangku Negara (J.M.N.) kepada Y.Bhg. Dato' Seri Azahar Muda sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIII pada 6 Jun 2009.

- iii. Closed Bowling Competition of the Forestry Department Headquarters on 17 May 2009 at Pin Junction, The Curve, Selangor.

- iv. "Jasamu Dikenang" Night for Y.Bhg. Dato' Seri Azahar bin Muda, the former Director-General of Forestry Peninsular Malaysia on 17 May 2009 at One World Hotel, Bandar Utama, Selangor.

In recognition of his service as the Director-General of Forestry, Peninsular Malaysia, the Government has bestowed upon him the Johan Mangku Negara (J.M.N.) in conjunction with the Birthday Celebration of the 13th Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong on 6 Jun 2009.



PROFIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

State Forestry Department's Profile



Negeri/State
Ibu Negeri/State Capital
Alamat/Address

No. Tel./Tel. No.
No. Faks/Fax No.
Pengarah/Director
E-Mel & Website

: JOHOR
: JOHOR BAHRU
: Jabatan Perhutanan Negeri Johor,
Tingkat 2, Sayap Timur,
Bangunan C2S, Kota Iskandar,
79660, Nusajaya
: 07-266 7433
: 07-266 1288
: Yahaya bin Mohamood
: yahaya@forestry.gov.my
www.johorforestry.gov.my



JOHOR

Nota/Note

* -	Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia Source: Department of Statistics, Malaysia
** -	Termasuk Ladang- ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah Includes Compensatory Forest Plantation,Pine, Teak and Rubber Plantations
*** -	Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara As stipulated by the National Forestry Council
+ -	Kawasan Hutan Simpanan Kekal untuk Pengusahaan dibawah CTT Permanent Reserved Forest Area for Logging under AAC

Bil. No.	Tajuk Item	Jumlah Total
1.	Penduduk (juta)(2001)*/Population (million)	3.24
2.	Keluasan Tanah/Land Area (ha)	1,898,629
3.	Tanah Berhutan/Forested Land (ha)	486,733
4.	Tanah Tidak Berhutan/Non-forested Land (ha)	1,411,896
5.	Sumber Hutan/Forested Resources	
a.	Hutan Simpanan Kekal/Permanent Reserved Forest (ha)	436,928
b.	Ladang Hutan/Forest Plantations** (ha)	43,859
c.	Tanah Kerajaan/Stateland (ha)	49,279
d.	Taman Hidupan Liar/Wildlife Reserve (ha)	-
e.	Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)***(ha)	2,250
f.	Keluasan yang dikelarkan untuk pengusahaan Area opened for logging + (ha)	884
g.	Pengeluaran/Production (m³)	
	• Kayu Balak/Logs	70,740
	• Hasil Hutan Lain/Other Forest Products (RM)	1,039,303
6.	Industri Hutan/Forest Industry	
a.	Bilangan/Number	
	• Kilang Papan/Sawmills	75
	• Kilang Papan Lapis/Venir/Plywood/Veneer Mills	10
	• Kilang Kayu Kumai/Moulding Mills	14
b.	Penggunaan Kayu Balak/Consumption of Logs (m³)	
	• Kilang Papan/Sawmills	363,173
	• Kilang Papan Lapis/Venir/Plywood/Veneer Mills	1,950
c.	Pengeluaran/Production (m³)	
	• Kayu Gergaji/Sawn Timber	231,574
	• Papan Lapis/Plywood	1,397
	• Kayu Kumai/Mouldings	1,185
d.	Bilangan Pekerja/Number of Workers	3,635



Negeri/State : KEDAH
Ibu Negeri/State Capital : ALOR SETAR
Alamat/Address : Jabatan Perhutanan Negeri Kedah Tingkat 8, Bangunan Sultan Abdul Halim Jalan Sultan Badlishah 05000 Alor Setar, Kedah
No. Tel./Tel. No. : 04-733 3844
No. Faks/Faxs No. : 04-731 0610
